

**KOS SARA HIDUP DAN CORAK
PERBELANJAAN ISI RUMAH DI MALAYSIA:
ANALISIS DATA HIS DAN HES 2016**

LYNDA BINTI DAUD

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2023

**KOS SARA HIDUP DAN CORAK
PERBELANJAAN ISI RUMAH DI MALAYSIA:
ANALISIS DATA HIS DAN HES 2016**

oleh

LYNDA BINTI DAUD

**Tesis ini diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Doktor Falsafah**

Ogos 2023

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah yang maha pemurah lagi maha mengasihani. Hanya Dia yang layak menerima sebaik-baik pujian. Tiada daya dan upaya tanpa Allah di sisi. Jutaan penghargaan kepada ibu tersayang Puan Arbakyah binti Asmari dan ayahanda Encik Daud bin Idris yang amat dicintai atas segala pengorbanan yang tidak terhingga dan atas segala sokongan dan kasih sayang yang tidak bersempadan sewaktu proses pengajian ini. Penghargaan yang tidak terhingga kepada penyelia pengajian Profesor Madya Dr. Nor Asmat Ismail atas segala ilmu, bimbingan dan sokongan dalam menyiapkan tesis ini dan menyelesaikan pengajian. Setinggi-tinggi penghargaan kepada panel pemeriksa tesis Profesor Dr. Saidatulakmal Mohd dan Profesor Madya Dr. Selamah Maamor atas bimbingan untuk menyempurnakan tesis ini. Jutaan terima kasih dan penghargaan diucapkan kepada Dr. Abdul Rais Abdul Latiff atas ilmu pengetahuan dan tunjuk ajar selama berada di USM. Jutaan penghargaan juga kepada ahli keluarga yang sentiasa mendoakan dan memberikan sokongan dari segala sudut. Kepada Lyssa, Kak Lydia, El-meen, abang Faiz dan yang lain. Hanya Allah dapat membalas kebaikan budi pekerti yang dicurahkan. Tidak ketinggalan juga kepada sahabat tersayang Siti Noor Farwina, Kak Siti Hajar, Gania, Syifa dan Kak Ina yang mencerikan dan membahagiakan sepanjang pengajian. Segala puji bagi Allah yang menghadirkan insan-insan berhati mulia di sisi. Tidak ketinggalan kepada staf pentadbiran di USM yang amat mesra dan membantu serta individu-individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung sepanjang proses penyediaan tesis ini.

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	ii
ISI KANDUNGAN.....	iii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH.....	xii
SENARAI ISTILAH.....	xiii
SENARAI LAMPIRAN.....	xiv
ABSTRAK	xv
ABSTRACT.....	xviii
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan Bab	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.2.1 Kos sara hidup	3
1.2.2 Harga barangan dan perkhidmatan	5
1.2.3 Perbelanjaan isi rumah	8
1.2.4 Pendapatan isi rumah	11
1.2.5 Taraf dan strata perbandaran tempat tinggal	16
1.3 Pernyataan Masalah	18
1.4 Persoalan Kajian	22
1.5 Objektif Kajian	23
1.6 Signifikan Kajian.....	24
1.7 Batasan Kajian.....	27
1.8 Definisi Operasi.....	29
1.8.1 Kos sara hidup	29
1.8.2 Perbelanjaan isi rumah	30
1.8.3 Perbelanjaan keperluan asas.....	30

1.8.4	Perbelanjaan makanan.....	31
1.8.5	Perbelanjaan perumahan	31
1.8.6	Perbelanjaan pengangkutan.....	31
1.8.7	Kesan himpitan keluar	32
1.8.8	Kumpulan pendapatan isi rumah	32
1.8.9	Keanjalan pendapatan	33
1.8.10	Taraf dan strata perbandaran	33
1.9	Organisasi Kajian	35
BAB 2	SOROTAN KEPUSTAKAAN.....	37
2.1	Teori Kos Sara Hidup	37
2.2	Teori Penggunaan	38
2.2.1	Hipotesis Pendapatan Mutlak (<i>Absolute Income Hypothesis</i>).....	38
2.2.2	Hipotesis Pendapatan Relatif (<i>Relative Income Hypothesis</i>)	39
2.2.3	Hipotesis Kitaran Hayat (<i>Life-cycle Hypothesis</i>)	40
2.2.4	Hipotesis Pendapatan Tetap (<i>Permanent Income Hypothesis</i>).....	41
2.3	Teori Keluk Engel.....	42
2.3.1	Fungsi keluk Engel	45
2.4	Fungsi Perbelanjaan Isi Rumah	48
2.5	Kesan Himpitan Keluar.....	49
2.6	Sorotan Kepustakaan Kos Sara Hidup.....	50
2.6.1	Faktor-faktor penentu kos sara hidup	51
	2.6.1(a) Faktor perbandaran.....	51
	2.6.1(b) Perbelanjaan isi rumah	53
	2.6.1(c) Harga barangan dan perkhidmatan.....	54
	2.6.1(d) Pendapatan dan taraf hidup.....	56
	2.6.1(e) Perbelanjaan tenaga elektrik, air dan lain-lain bahan api.....	57
	2.6.1(f) Ciri sosioekonomi dan demografi isi rumah.....	58
2.6.2	Sorotan empirikal kos sara hidup	59
2.6.3	Ringkasan sorotan kepustakaan kos sara hidup.....	64
2.7	Sorotan Kepustakaan Perbelanjaan Isi Rumah.....	66

2.7.1	Makanan	68
	2.7.1(a) Sorotan kepustakaan perbelanjaan makanan	72
2.7.2	Perumahan	93
	2.7.2(a) Sorotan empirikal perbelanjaan perumahan	96
2.7.3	Pengangkutan	102
	2.7.3(a) Sorotan empirikal perbelanjaan pengangkutan	104
2.7.4	Kesihatan	111
	2.7.4(a) Sorotan empirikal perbelanjaan kesihatan	112
2.7.5	Pendidikan	116
	2.7.5(a) Sorotan empirikal perbelanjaan pendidikan	118
2.7.6	Pakaian dan kasut	121
	2.7.6(a) Sorotan empirikal perbelanjaan pakaian	122
2.7.7	Komunikasi	126
	2.7.7(a) Sorotan empirikal perbelanjaan komunikasi	127
2.7.8	Perkakasan dan hiasan	130
	2.7.8(a) Sorotan empirikal perbelanjaan pakaian	131
2.7.9	Restoran dan hotel	135
	2.7.9(a) Sorotan empirikal perbelanjaan restoran dan hotel	136
2.7.10	Alkohol dan tembakau	141
	2.7.10(a) Sorotan empirikal perbelanjaan pakaian	142
2.7.11	Rekreasi dan kebudayaan	145
	2.7.11(a) Sorotan empirikal perbelanjaan rekreasi dan kebudayaan	146
2.7.12	Pelbagai barangan dan perkhidmatan	151
	2.7.12(a) Sorotan empirikal perbelanjaan pelbagai barangan dan perkhidmatan	152
2.7.13	Ringkasan Sorotan Kepustakaan Faktor-faktor yang Mempengaruhi Perbelanjaan Isi Rumah	158
	2.7.13(a) Pendapatan	159
	2.7.13(b) Srata perbandaran	162
	2.7.13(c) Umur	165
	2.7.13(d) Saiz isi rumah	166

	2.7.13(e) Jantina.....	168
2.8	Sorotan Kepustakaan Kesan Himpitan Keluar Perbelanjaan Isi Rumah	169
2.8.1	Perumahan	170
2.8.2	Pengangkutan	172
2.8.3	Kesihatan	174
2.8.4	Alkohol dan tembakau	175
2.8.5	Sorotan empirikal kesan himpitan keluar.....	176
	2.8.5(a) Perumahan	177
	2.8.5(b) Pengangkutan.....	179
	2.8.5(c) Kesihatan	186
	2.8.5(d) Alkohol dan tembakau.....	187
2.8.6	Ringkasan sorotan kepustakaan kesan himpitan keluar	187
2.9	Lompang Kajian	188
2.10	Kerangka Konsep Kajian	191
2.11	Kesimpulan Bab	195
BAB 3	KAEDAH PENYELIDIKAN	196
3.1	Pengenalan Bab	196
3.2	Analisis Kos Sara Hidup.....	196
3.2.1	Data analisis kos sara hidup	197
3.2.2	Kaedah penganggaran indeks kos sara hidup.....	197
3.3	Analisis Keanjalan Pendapatan	199
3.4	Analisis Corak Perbelanjaan Isi Rumah	201
3.4.1	Data analisis corak perbelanjaan isi rumah	203
3.4.2	Kaedah pensampelan data	206
	3.4.2(a) Pemboleh ubah bebas	207
	3.4.2(b) Pemboleh ubah bersandar	208
3.4.3	Definisi dan pengukuran pemboleh ubah.....	210
3.4.4	Spesifikasi model corak perbelanjaan isi rumah	212

3.4.5	Kaedah penganggaran corak perbelanjaan isi rumah	213
	3.4.5(a) OLS	214
	3.4.5(b) Tobit	216
3.5	Kesan Himpitan Keluar dalam Perbelanjaan Isi Rumah.....	217
3.5.1	Data analisis kesan himpitan keluar.....	219
	3.5.1(a) Pemboleh ubah bebas	220
	3.5.1(b) Pemboleh ubah bersandar	220
3.5.2	Spesifikasi persamaan kesan himpitan keluar perbelanjaan makanan kepada perbelanjaan isi rumah	221
3.5.3	Spesifikasi persamaan kesan himpitan keluar perbelanjaan perumahan kepada perbelanjaan isi rumah	223
3.5.4	Spesifikasi persamaan kesan himpitan keluar perbelanjaan pengangkutan kepada perbelanjaan isi rumah.....	225
3.5.5	Kaedah penganggaran kesan himpitan keluar	226
3.5.6	Seemingly unrelated regression (SURE)	229
3.6	Ringkasan Persoalan, Objektif dan Kaedah Analisis Kajian	233
3.7	Kesimpulan Bab	235
BAB 4	ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN.....	237
4.1	Pengenalan Bab	237
4.2	Analisis Deskriptif Perbelanjaan, Ciri-ciri Sosioekonomi dan Demografi Isi Rumah.....	237
4.3	Analisis Kos Sara Hidup.....	244
4.3.1	Kaedah IKSH.....	245
	4.3.1(a) IKSH perbelanjaan keperluan asas.....	246
	4.3.1(b) IKSH perbelanjaan bukan keperluan asas	247
4.3.2	Kaedah perbelanjaan.....	250
	4.3.2(a) Jumlah perbelanjaan keperluan asas	250
	4.3.2(b) Jumlah perbelanjaan bukan keperluan asas	253
4.3.3	Kaedah IHP	257
	4.3.3(a) IHP perbelanjaan keperluan asas	258
	4.3.3(b) IHP bukan keperluan asas.....	258

4.4	Perbandingan Kaedah IKSH, Perbelanjaan dan IHP	261
4.5	Tindak Balas Perubahan Perbelanjaan kepada Pendapatan dan Kos Sara Hidup Isi Rumah.....	263
4.6	Analisis Hubungan Faktor Sosioekonomi dan Demografi kepada Corak Perbelanjaan Isi Rumah	273
4.6.1	Makanan	273
4.6.2	Perumahan.....	275
4.6.3	Pengangkutan	276
4.6.4	Kesihatan.....	277
4.6.5	Pendidikan.....	278
4.6.6	Pakaian	279
4.6.7	Komunikasi	280
4.6.8	Perkakasan dan hiasan	281
4.6.9	Restoran dan hotel	282
4.6.10	Alkohol dan tembakau	283
4.6.11	Rekreasi dan kebudayaan	284
4.6.12	Pelbagai barangan dan perkhidmatan	285
4.7	Analisis Peningkatan Kos Sara Hidup Berdasarkan Perbelanjaan Makanan, Perumahan dan Pengangkutan kepada Perbelanjaan Isi Rumah.....	290
4.7.1	Perbelanjaan makanan.....	291
4.7.2	Perbelanjaan perumahan	292
4.7.3	Perbelanjaan pengangkutan.....	293
4.8	Kesimpulan Bab	297
BAB 5	KESIMPULAN	299
5.1	Pengenalan Bab	299
5.2	Dapatan Kajian	299

5.2.1	Taraf perbandaran, perbelanjaan isi rumah dan kos sara hidup ...	299
5.2.2	Peranan pendapatan dalam mempengaruhi perbelanjaan keperluan asas isi rumah	300
5.2.3	Faktor-faktor yang mempengaruhi corak perbelanjaan isi rumah	301
5.2.4	Hubungan kos sara hidup dan perbelanjaan isi rumah.....	304
5.3	Implikasi Kajian	305
5.3.1	Teoretikal	305
5.3.2	Empirikal.....	307
5.4	Implikasi Polisi dan Cadangan Dasar	309
5.5	Cadangan Penyelidikan akan Datang	315
5.6	Kesimpulan.....	317

RUJUKAN.....	319
---------------------	------------

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1	Jumlah perbelanjaan purata isi rumah Malaysia bagi 5
Jadual 1.2	Indeks harga pengguna Malaysia, bandar dan luar bandar 2010-2020..... 6
Jadual 1.3	Indeks harga pengguna kumpulan perbelanjaan isi rumah Malaysia tahun 2020 7
Jadual 1.4	Jumlah perbelanjaan keperluan asas dan perbelanjaan bukan keperluan asas isi rumah Malaysia bagi tahun terpilih dari 2009 hingga 2019 11
Jadual 1.5	Pendapatan purata isi rumah Malaysia, bandar dan luar bandar pada tahun-tahun tertentu..... 12
Jadual 1.6	Pendapatan isi rumah mengikut negeri tahun 2016..... 13
Jadual 1.7	Pendapatan purata isi rumah mengikut kumpulan pendapatan dan strata pada tahun tertentu 15
Jadual 1.8	Indeks Harga Pengguna negeri di Malaysia tahun 2016..... 18
Jadual 1.9	Ringkasan persoalan kajian dan objektif kajian 24
Jadual 1.10	Klasifikasi kawasan mengikut strata..... 35
Jadual 1.11	Kategori perbandaran mengikut strata 35
Jadual 2.1	Kumpulan perbelanjaan isi rumah dan penerangan..... 209
Jadual 2.2	Pemboleh ubah bebas kajian 207
Jadual 2.3	Penerangan pemboleh ubah bersandar corak perbelanjaan isi rumah 211
Jadual 2.4	Penerangan pemboleh ubah bebas perbelanjaan isi rumah 211
Jadual 2.5	Jumlah dan peratus pemerhatian berbanding keseluruhan sampel 214
Jadual 2.6	Penerangan pemboleh ubah bebas kesan himpitan keluar 220

Jadual 2.7	Penerangan pemboleh ubah bersandar kesan himpitan keluar	221
Jadual 2.8	Persoalan, objektif dan kaedah analisis kajian	235
Jadual 4.1	Maklumat deskriptif perbelanjaan isi rumah Malaysia.....	240
Jadual 4.2	Jumlah purata perbelanjaan isi rumah berdasarkan pemboleh ubah.....	242
Jadual 4.3	IKSH perbelanjaan isi rumah berdasarkan taraf perbandaran.....	249
Jadual 4.4	Jumlah perbelanjaan isi rumah berdasarkan taraf perbandaran negeri.....	255
Jadual 4.5	Jumlah dan peratus perbelanjaan keperluan asas dan bukan keperluan asas.....	256
Jadual 4.6	IHP perbelanjaan isi rumah berdasarkan taraf perbandaran.....	260
Jadual 4.7	Keanjalan pendapatan dan keanjalan perbelanjaan bagi makanan, perumahan dan pengangkutan berdasarkan kumpulan pendapatan dan strata perbandaran	266
Jadual 4.8	Ringkasan kelas barangan berdasarkan keanjalan pendapatan ...	272
Jadual 4.9	Faktor-faktor yang mempengaruhi corak perbelanjaan isi rumah.....	286
Jadual 4.10	Kesan peningkatan kos sara hidup akibat perbelanjaan makanan, perumahan dan pengangkutan kepada perbelanjaan isi rumah ...	296
Jadual 4.11	Ringkasan kesan peningkatan kos sara hidup kepada perbelanjaan isi rumah.....	297

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1	Garis belanjawan, Keluk Puas Sama dan Keluk Engel..... 47
Rajah 2.2	Kerangka konsep kajian 194

SENARAI ISTILAH

A.S	Amerika Syarikat
ESS	<i>Error Sum of Square</i>
COICOP	<i>Classification of Individual Consumption According to Purpose</i>
CPI	<i>Consumer Price Index</i>
HES	<i>Household Expenditure Survey</i> (Survei penyiasatan perbelanjaan isi rumah)
HIS	<i>Household Income Survey</i> (Survei pendapatan isi rumah dan kemudahan asas)
IHP	Indeks Harga Pengguna
IKSH	Indeks Kos Sara Hidup
SURE	<i>Seemingly unrelated regression</i>
U.K	<i>United Kingdom</i>
W. P	Wilayah Persekutuan

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN A	JUMLAH PERBELANJAAN ISI RUMAH MALAYSIA
LAMPIRAN B	INDEKS HARGA PENGGUNA
LAMPIRAN C	KUMPULAN PERBELANJAAN ISI RUMAH DAN PEMBERAT
LAMPIRAN D	HASIL KEANJALAN PENDAPATAN
LAMPIRAN E	CORAK PERBELANJAAN ISI RUMAH
LAMPIRAN F	HASIL REGRESI OLS DAN TOBIT
LAMPIRAN G	HASIL REGRESI SURE
LAMPIRAN H	POLISI DAN DASAR BERKAITAN KOS SARA HIDUP 2019-2022

KOS SARA HIDUP DAN CORAK PERBELANJAAN ISI RUMAH DI MALAYSIA: ANALISIS DATA HIS DAN HES 2016

ABSTRAK

Isu kos sara hidup merupakan satu isu yang menjadi perhatian dan merupakan masalah yang membebani segenap lapisan masyarakat. Kenaikan harga barangan dan perkhidmatan terutamanya pada perbelanjaan keperluan asas menjadikan masalah kos sara hidup sesuatu yang tidak dapat dielakkan. Wujud jurang perbezaan harga di antara kawasan bandar dan luar bandar yang menimbulkan persoalan tingkat kos sara hidup yang dihadapi kesan daripada faktor taraf perbandaran. Dalam keadaan ekonomi negara yang semakin berkembang, pendapatan isi rumah telah mengalami peningkatan yang dilihat sebagai faktor yang merangsang kenaikan jumlah perbelanjaan dan seterusnya kos sara hidup selain struktur demografi dan sosioekonomi isi rumah yang berbeza dan berpotensi mengalami perubahan. Berdasarkan isu yang telah diutarakan, objektif pertama kajian ini adalah menganalisis kos sara hidup isi rumah yang dipengaruhi perbezaan taraf perbandaran menggunakan kaedah indeks kos sara hidup (IKSH), kaedah perbelanjaan daripada data Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah Malaysia tahun 2016 dan indeks harga pengguna (IHP). Analisis kos sara hidup mendapati isi rumah di negeri-negeri perbandaran tinggi berhadapan dengan kos sara hidup disebabkan perbelanjaan makanan, perumahan dan pengangkutan yang lebih tinggi berbanding isi rumah di negeri-negeri perbandaran sederhana dan rendah. Namun begitu tidak dapat dinafikan negeri-negeri perbandaran rendah dan sederhana turut berhadapan dengan kos sara hidup yang tinggi seperti negeri Terengganu, Kelantan, Sabah, Sarawak dan Pahang. Objektif kedua pula bertujuan menganalisis keanjalan pendapatan barangan

keperluan asas berdasarkan perbezaan kumpulan pendapatan dan taraf perbandaran tempat tinggal. Hasil analisis mendapati isi rumah luar bandar meningkatkan perbelanjaan makanan dan pengangkutan pada kadar melebihi pertumbuhan pendapatan manakala keanjalan pendapatan yang tinggi bagi isi rumah bandar berlaku pada perbelanjaan perumahan. Objektif ketiga kajian ini adalah mengkaji hubungan ciri-ciri sosioekonomi dan demografi kepada perbelanjaan isi rumah. Analisis faktor-faktor yang mempengaruhi 12 kumpulan perbelanjaan isi rumah ditentukan melalui kaedah penganggaran OLS dan Tobit. Hasil analisis mendapati faktor pendapatan, strata perbandaran, umur, saiz isi rumah dan jantina ketua isi rumah berhubung secara signifikan dengan perbelanjaan isi rumah. Dalam objektif keempat, hubungan kos sara hidup yang berpunca dari kenaikan perbelanjaan barangan makanan, perumahan dan pengangkutan kepada perbelanjaan isi rumah pula ditentukan dengan menggunakan kaedah penganggaran *Seemingly Unrelated Regression (SURE)*. Hasil analisis mendapati kos sara hidup isi rumah yang meningkat telah memberi kesan himpitan keluar kepada perbelanjaan makanan, perumahan, pengangkutan, pakaian, perkakasan serta perbelanjaan restoran dan hotel. Kajian ini mencadangkan pemeraksanaan kawalan harga pada barangan makanan, memperkasakan pembinaan rumah mampu milik dan memperkasakan sektor pengangkutan awam agar kos sara hidup disebabkan peningkatan perbelanjaan keperluan asas yang membebani isi rumah dapat diringankan. Pengaruh pendapatan kepada perbelanjaan isi rumah memberi indikasi pendapatan merupakan alat dasar yang praktikal bagi kerajaan untuk menangani isu kos sara hidup dengan peningkatan gaji dan upah bagi menghadapi kos sara hidup yang semakin meningkat. Selain faktor pendapatan, ciri-ciri sosioekonomi dan demografi juga didapati berhubung secara langsung dengan perbelanjaan isi rumah dan seterusnya kos sara hidup. Justeru

perkembangan struktur demografi dan sosioekonomi haruslah diberikan perhatian dalam menentukan dasar berkaitan isu kos sara hidup.

**LIVING COSTS AND HOUSEHOLD EXPENDITURE PATTERNS IN
MALAYSIA: ANALYSIS OF 2016 HIS AND HES DATA**

ABSTRACT

The cost of living is a subject that affects people from all backgrounds. Rising prices of goods and services, especially on basic needs, make the problem of the cost of living inevitable. The price gap between urban and rural raises urbanisation's impact on the cost of living experienced among households. As the economy rapidly grows, household income has increased, which is seen as a factor stimulating growth in total expenditure and hence the cost of living. Furthermore, demographic and socioeconomic composition differences across families may impact household consumption patterns. Based on the issues highlighted, the first goal of this research is to examine household cost of living based on urbanisation levels using the cost of living index, expenditure approach and consumer price index (CPI). The Malaysian Household Expenditure Survey from 2016 was used for the study. The cost of living analysis discovered that families in high urban states experience greater basic needs expenditure costs than households in medium and low urban regions. However, low and middle urban states like Terengganu, Kelantan, Sabah, Sarawak and Pahang have high basic needs expenditures. The second goal is to examine the income elasticity of basic needs in relation to income group differences and urbanisation levels. According to the study's findings, rural households raised their food and transportation spending greater than their income growth, whereas urban households had high income elasticity on housing expenditure. The third goal of this research was to investigate the relationship between socioeconomic and demographic factors

and household expenditure. The OLS and Tobit estimate techniques were used to determine the relationship between socioeconomic and demographic factors on household spending. The analysis discovered that income, urbanisation stratum, age, family size, and household head gender all substantially impacted household expenses. In the fourth goal, the Seemingly Unrelated Regression (SURE) estimate technique was used to assess the relationship between basic needs expenditure cost and household expenditure. The analysis found that basic needs expenditures were significant and negatively impacted food, housing, transportation, clothes, equipment, and restaurant and hotel expenditures. This research advocates strengthening food price restrictions, empowering the construction of affordable housing, and empowering the public transportation sector to reduce the cost of basic needs expenditure. The impact of income on household spending suggests that income is a valuable policy instrument for the government to address the cost of living by boosting salaries and wages to cope with the growing cost of living. Along with income, socioeconomic and demographic factors significantly affect household expenditure. In formulating cost of living policies, policymakers should consider the evolution of demographic and socioeconomic factors.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan Bab

Bab ini menerangkan latar belakang kajian berkaitan perbelanjaan isi rumah di Malaysia dan kos sara hidup yang dikatakan semakin meningkat. Maklumat berkaitan kumpulan perbelanjaan isi rumah diterangkan dan situasi kenaikan harga barangan keperluan asas dan bukan keperluan asas dilaporkan. Selain faktor harga yang semakin meningkat, maklumat berkaitan pendapatan isi rumah turut dijelaskan dalam bahagian ini kerana peranan pendapatan yang amat berkait rapat dengan perbelanjaan isi rumah dan jurang pendapatan. Kajian turut mengaitkan faktor perbandaran kerana isu perbezaan harga dan jurang pendapatan antara isi rumah kesan daripada taraf perbandaran. Dalam bab ini objektif dan persoalan kajian yang akan dijawab dijelaskan berdasarkan pernyataan masalah kos sara hidup dan kesannya kepada perbelanjaan isi rumah.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kos sara hidup merupakan sejumlah kos yang perlu ditanggung oleh seorang individu ataupun sebuah isi rumah bagi memenuhi keperluan asas seperti makanan, minuman, pakaian dan tempat tinggal serta keperluan lain bagi meneruskan kehidupan (Wahab et al., 2018; Jacobs, Perera, & Williams, 2014; Sabri & Zainuddin, 2017). Perbincangan masalah kos sara hidup sentiasa berlaku dari semasa ke semasa (Wahab et al., 2018). Kepentingan permasalahan kos sara hidup untuk ditangani jelas diperlihatkan melalui keprihatinan kerajaan dalam mencari jalan menangani masalah kos sara hidup melalui pelaksanaan dasar jangka pendek, sederhana dan jangka panjang (KPDNHEP, 2018).

Dalam keadaan ekonomi yang semakin berkembang, peningkatan kadar inflasi merupakan cabaran yang perlu dihadapi dan diatasi oleh isi rumah (BNM, 2016). Kenaikan harga barangan dan perkhidmatan merupakan satu masalah yang boleh menjejaskan kesejahteraan isi rumah kesan daripada peningkatan kos sara hidup (Sabri, 2017). Dari aspek harga barangan yang semakin meningkat, wujudnya perbezaan harga antara negeri-negeri di Malaysia. Navamuel et al. (2019) menjelaskan harga barangan merupakan ancaman yang memberi kesan kepada kos sara hidup bagi isi rumah di bandar dan luar bandar. Pertambahan jumlah perbelanjaan berpunca dari kenaikan harga barangan dan perkhidmatan adalah satu isu yang membimbangkan. Peningkatan harga barangan makanan, perumahan dan pengangkutan merupakan sesuatu yang menjadi perhatian kerana barangan ini merupakan keperluan dan mewakili sebahagian besar daripada perbelanjaan keseluruhan isi rumah serta mendominasi perbelanjaan isi rumah pendapatan rendah (AlAzzawi, 2020; Church & Linda, 2012).

Masalah kos sara hidup ini bertambah meruncing kerana wujudnya jurang pendapatan di antara isi rumah di mana isi rumah pendapatan rendah dikhuatiri tidak mampu menyerap kenaikan kos sara hidup (Emery & Guo, 2019). Kekangan pendapatan dikhuatiri akan menyebabkan isi rumah yang lemah dari sudut kewangan ataupun isi rumah yang tinggal di kawasan taraf hidup yang tinggi akan lebih terjejas yang akhirnya menimbulkan masalah sosial yang lebih teruk (Chien & Mistry, 2013a; Kurre, 2003). Jurang pendapatan antara negeri-negeri di Malaysia amat tinggi terutamanya jika dibandingkan antara negeri yang dianggap maju seperti Selangor, Johor dan Pulau Pinang berbanding negeri Kelantan dan Kedah (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2016).

Kos sara hidup juga bergantung kepada corak perbelanjaan di mana isi rumah yang mempunyai perbelanjaan yang lebih besar pada barangan yang mengalami kenaikan harga secara logiknya akan lebih berisiko mengalami peningkatan kos sara hidup (BNM, 2016). Kegagalan isi rumah menampung kos sara hidup yang semakin meningkat akan menjejaskan taraf hidup dan kesejahteraan isi rumah. Selain itu kenaikan harga barangan tertentu secara berterusan terutamanya pada barangan seperti makanan, perumahan dan pengangkutan amat membimbangkan dan dikhuatiri menjejaskan perbelanjaan lain sama ada barangan keperluan asas mahupun bukan keperluan asas (Makarewicz et al., 2020; Beatty et al., 2014; Campbell & Cocco, 2007).

Berdasarkan situasi-situasi yang dinyatakan di atas, didapati kenaikan harga, perbezaan harga antara kawasan bandar dan luar bandar, jurang pendapatan antara isi rumah dan jumlah perbelanjaan yang bertambah dilihat menjadi punca ancaman kenaikan kos sara hidup. Pada bahagian seterusnya, analisis data berkaitan kenaikan kos sara hidup, kenaikan harga dan perbezaan harga, perbelanjaan isi rumah, jurang pendapatan serta taraf perbandaran dijalankan.

1.2.1 Kos sara hidup

Kos sara hidup merupakan sejumlah kos yang perlu ditanggung oleh seorang individu ataupun sebuah isi rumah bagi memenuhi keperluan asas seperti makanan, minuman, pakaian dan tempat tinggal serta keperluan lain bagi meneruskan kehidupan (Jacobs, Perera & Williams, 2014; Sabri & Zainuddin, 2017). Definisi kos sara hidup menurut BNM (2015); Tan et al. (2018); Wahab et al. (2018a) adalah jumlah perbelanjaan yang perlu ditanggung oleh isi rumah dalam meneruskan kehidupan seharian pada satu tempoh masa tertentu untuk berada pada satu tingkat taraf hidup

tertentu. Perbezaan definisi kos sara hidup yang dikenal pasti adalah kos yang perlu ditanggung berdasarkan perbelanjaan tertentu di mana terdapat definisi yang menetapkan kumpulan perbelanjaan ini adalah perbelanjaan keperluan asas seperti definisi oleh Jacobs, Perera & Williams (2014); Sabri & Zainuddin (2017) manakala definisi oleh BNM (2015); Tan et al. (2018); Wahab et al. (2018a) menjelaskan kos sara hidup merupakan sejumlah perbelanjaan yang dikaitkan dengan taraf hidup yang ingin dicapai. Tidak terdapat kesepakatan dalam mendefinisikan kos sara hidup. Namun begitu dapat difahami kos sara hidup isi rumah adalah jumlah perbelanjaan yang ditanggung dalam meneruskan kehidupan seharian. Kajian ini mengambil definisi kos sara hidup yang digunakan oleh Jacobs et al. (2014); Sabri & Zainuddin (2017) yang menjelaskan kos sara hidup sebagai jumlah perbelanjaan keperluan asas yang perlu ditanggung memandangkan objektif kajian yang lebih mengarah kepada perkaitan kos sara hidup dan kesannya kepada perbelanjaan isi rumah. Perbelanjaan keperluan asas bagi kajian ini pula adalah berdasarkan takrifan perbelanjaan keperluan asas oleh BNM (2015); Latimaha (2018); Wahab et al. (2018) yang menyatakan perbelanjaan keperluan asas terdiri daripada makanan, perumahan dan pengangkutan.

Jadual 1.1 memaparkan jumlah purata perbelanjaan isi rumah Malaysia pada tahun-tahun tertentu dari tahun 1993 hingga 2019. Jumlah perbelanjaan merekodkan nilai yang semakin meningkat dari tahun ke tahun menggambarkan berlakunya peningkatan pada kos sara hidup isi rumah. Peningkatan jumlah perbelanjaan secara purata dalam tempoh 10 tahun dari tahun 2009 hingga 2019 adalah sebanyak 107%. Nilai pertumbuhan purata perbelanjaan ini amat besar dan menimbulkan kebimbangan tentang status kos sara hidup isi rumah di Malaysia.

Jadual 1.1. Jumlah perbelanjaan purata isi rumah Malaysia bagi tahun terpilih dari 2009 hingga 2019

Tahun	Jumlah perbelanjaan (RM)
1993	1, 616
1998	1, 631
2004	1, 953
2009	2, 190
2014	3, 578
2016	4, 033
2019	4, 534

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2010-2021)

Selain jumlah perbelanjaan isi rumah, harga barangan dan perkhidmatan juga sering digunakan sebagai penanda aras berlakunya peningkatan kos sara hidup (Kurre, 2003; Atuesta & Araya, 2012). Bahagian seterusnya memaparkan pertumbuhan harga yang telah berlaku di Malaysia.

1.2.2 Harga barangan dan perkhidmatan

Kenaikan harga barangan secara berterusan menggambarkan secara umum kenaikan kos sara hidup yang perlu ditanggung oleh isi rumah (BNM, 2016). Purata harga barangan di bandar dan luar bandar adalah berdasarkan nilai indeks harga pengguna (IHP) yang dijadikan rujukan perubahan kos sara hidup. Jadual 1.2 memaparkan IHP Malaysia di bandar dan luar bandar. Wujud perbezaan pada IHP barangan dan perkhidmatan secara keseluruhan di bandar dan luar bandar dalam keadaan nilai IHP merekodkan peningkatan berterusan dari tahun ke tahun. IHP bandar merekodkan nilai yang lebih tinggi berbanding luar bandar yang memberi indikasi isi rumah di kawasan bandar mengalami harga barangan yang lebih mahal berbanding luar bandar dan pengaruh taraf perbandaran kepada kos sara hidup.

Jadual 1.2 Indeks harga pengguna Malaysia, bandar dan luar bandar 2010-2020

Tahun	Malaysia	Bandar	Luar Bandar
2010	100	100	100
2011	103.2	103.2	103.1
2012	104.9	105	104.7
2013	105.8	107.2	106.8
2014	108.2	110.7	109.8
2015	111.6	113.1	111.7
2016	114.3	115.5	113.6
2017	117	119.9	117.8
2018	118	121.1	118.7
2019	119.3	122	119.1
2020	120.6	120.7	117.3

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2010-2021)

Tingkat harga barangan dan perkhidmatan di bandar dan luar bandar berbeza disebabkan oleh faktor kos pengangkutan barangan (Krugman, 1991; Krugman & Venables, 1993). Selain itu pengaruh dari penawaran dan permintaan juga menyebabkan wujudnya perbezaan tingkat harga barangan dan perkhidmatan (Navamuel et al., 2019). Navamuel et al. (2019) berpendapat tingkat harga barangan dan perkhidmatan serta perbezaan gaya hidup isi rumah di bandar dan luar bandar telah mewujudkan persekitaran berbeza yang mempengaruhi corak perbelanjaan isi rumah. Tindak balas perbelanjaan keperluan asas dan bukan keperluan asas kepada perubahan harga adalah berbeza di mana keanjalan harga barangan keperluan asas seperti makanan, perumahan dan pengangkutan akan mencatatkan nilai kurang dari 1 (Ishida et al., 2003). Keanjalan harga perbelanjaan keperluan asas tidak sensitif kepada perubahan harga yang memberi maksud peningkatan harga akan menyebabkan jumlah perbelanjaan pada barangan keperluan asas turut meningkat (Albouy et al., 2015).

Selain perbezaan dari perspektif perbandaran, tingkat harga barangan dan perkhidmatan di Malaysia juga berbeza antara kumpulan perbelanjaan. Jadual 1.3

memaparkan IHP barangan dan perkhidmatan mengikut kumpulan perbelanjaan pada tahun 2020. IHP barangan makanan, perumahan dan pengangkutan yang dikategorikan sebagai keperluan merekodkan nilai lebih tinggi dengan nilai IHP makanan mencatatkan nilai tertinggi berbanding perumahan dan pengangkutan masing-masing dengan nilai 135, 119 dan 105. Bagi barangan bukan keperluan asas, nilai IHP tertinggi adalah pada kumpulan minuman alkohol dan tembakau diikuti restoran dan hotel dengan masing-masing merekodkan nilai 168 dan 132. Pertumbuhan harga yang berlaku terutamanya pada perbelanjaan keperluan asas membawa indikasi berlakunya peningkatan kos sara hidup yang tidak dapat dielakkan dan dirasai oleh segenap lapisan masyarakat.

Jadual 1.3 Indeks harga pengguna kumpulan perbelanjaan isi rumah Malaysia tahun 2020

Keperluan asas			Kumpulan perbelanjaan								
Keperluan asas			Bukan keperluan asas								
1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12
135	119	105	124	121	94	98	117	132	168	112	116

Petunjuk

- Kumpulan 1 : Makanan dan minuman
- Kumpulan 2 : Perumahan
- Kumpulan 3 : Pengangkutan
- Kumpulan 4 : Kesihatan
- Kumpulan 5 : Pendidikan
- Kumpulan 6 : Pakaian dan kasut
- Kumpulan 7 : Komunikasi
- Kumpulan 8 : Perkakasan dan hiasan
- Kumpulan 9 : Restoran dan hotel
- Kumpulan 10 : Minuman alkohol dan tembakau
- Kumpulan 11 : Perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan
- Kumpulan 12 : Pelbagai barangan dan perkhidmatan

Tahun asas: 2010

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

IHP merupakan indikator yang dapat dijadikan rujukan bagi menentukan perubahan kos sara hidup isi rumah sekiranya tidak terdapat perbezaan yang ketara pada corak perbelanjaan isi rumah (BNM, 2015b; Wahab et al., 2018b). Dalam bahagian seterusnya, analisis data perbelanjaan isi rumah pula akan dilaksanakan bagi menganalisis corak perbelanjaan isi rumah.

1.2.3 Perbelanjaan isi rumah

Dalam bahagian ini, maklumat berkaitan corak perbelanjaan isi rumah di laporkan dan dianalisis. Perbelanjaan isi rumah merupakan sebarang bentuk transaksi kewangan yang dilakukan oleh isi rumah untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan bagi memenuhi keperluan dan kehendak isi rumah (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020b; OECD, 2013). Jumlah perbelanjaan sesebuah isi rumah merupakan nilai perbelanjaan keseluruhan ahli isi rumah bagi memenuhi keperluan harian seperti makanan, pakaian, perumahan, bahan api, pengangkutan, barang tahan lama, kesihatan, hiburan dan lain-lain barangan dan perkhidmatan (Manajit et al., 2020). Perbelanjaan sesebuah isi rumah dipengaruhi oleh ciri-ciri sosioekonomi dan demografi seperti jumlah pendapatan, saiz isi rumah, strata perbandaran tempat tinggal, umur dan tahap pendidikan (Cebula & Todd, 2004; Koo et al. 1997; Kurre, 2003). Isi rumah mengelaskan perbelanjaan kepada dua kategori yang terdiri daripada perbelanjaan keperluan asas dan bukan keperluan asas (Manajit et al., 2020). Perbelanjaan keperluan asas terdiri daripada perbelanjaan barangan makanan, perumahan dan pengangkutan (BNM, 2016; Wahab et al., 2018a). Perbelanjaan pakaian dan kasut tidak dikategorikan sebagai keperluan asas kerana bersifat bermusim dan biasanya berlaku pada waktu tertentu sahaja (Latimaha, 2017). Allegretto & McMahon (2006) mendefinisikan perbelanjaan keperluan asas sebagai belanjawan bagi sebuah keluarga untuk memenuhi keperluan asas pada satu tingkat

pendapatan tertentu. Menurut Lehtinen et al. (2011) keperluan asas seseorang individu terdiri daripada makanan, minuman, tempat tinggal dan kebersihan. Perbelanjaan keperluan asas kebiasaannya mempunyai jumlah tertinggi kerana tahap kepentingannya kepada isi rumah (Bilgic & Yen, 2013).

Corak perbelanjaan isi rumah pula merupakan peratus perbelanjaan sebuah kumpulan barangan atau perkhidmatan berbanding jumlah perbelanjaan keseluruhan atau jumlah pendapatan (Alali et al., 2020; Elzaki et al., 2021; Jusoh et al., 2016; Shah et al., 2020; Yusof & Duasa, 2010). Teori Keluk Engel menjelaskan peratus perbelanjaan makanan semakin mengecil seiring dengan pertumbuhan pendapatan. Semakin tinggi tingkat pendapatan, semakin kecil peratus perbelanjaan barangan makanan. Dapat difahami juga di sini isi rumah yang memiliki pendapatan tinggi akan memiliki jumlah peratus perbelanjaan makanan yang lebih rendah dan isi rumah pendapatan rendah adalah yang paling terjejas jika kos sara hidup meningkat disebabkan kenaikan harga barangan makanan dan corak perbelanjaan lebih besar pada barangan tersebut (AlAzzawi, 2020).

Jadual 1.4 memaparkan corak perbelanjaan keperluan asas dan bukan keperluan asas isi rumah Malaysia yang direkodkan pada tahun 2009, 2014, 2016 dan 2019. Peningkatan berterusan direkodkan antara tahun-tahun tersebut dengan jumlah perbelanjaan keperluan asas yang lebih tinggi berbanding perbelanjaan bukan keperluan asas sebanyak RM342, RM526, RM463 dan RM389 masing-masing pada tahun 2009, 2014, 2016 dan 2019. Corak perbelanjaan isi rumah pula merekodkan peratusan lebih tinggi pada barangan makanan, perumahan dan pengangkutan. Pada tahun 2009, perbelanjaan keperluan mewakili 58% daripada perbelanjaan keseluruhan. Pada tahun 2014, 2016 dan 2019, peratus perbelanjaan keperluan asas masing-masing mewakili 57 %, 56% dan 54% daripada keseluruhan perbelanjaan.

Dengan memfokus kepada perbelanjaan keperluan asas, dapat diperhatikan perbelanjaan perumahan merekodkan jumlah tertinggi berbanding perbelanjaan makanan dan pengangkutan. Namun begitu tidak dapat dinafikan perbelanjaan makanan dan pengangkutan juga merekodkan peningkatan berterusan yang merupakan bebanan yang tidak dapat dielakkan kerana barangan tersebut dikategorikan sebagai keperluan. Perbelanjaan keperluan asas terutamanya perumahan merekodkan jumlah peningkatan tertinggi dengan pertumbuhan sebanyak 116% dalam tempoh 10 tahun dari tahun 2009 hingga 2019 yang menggambarkan perbelanjaan perumahan telah menjadi bebanan besar kepada kos sara hidup isi rumah. Perbelanjaan makanan dan pengangkutan juga merekodkan peratus peningkatan berterusan masing-masing sebanyak 76% dan 87% dalam tempoh 10 tahun ini.

Selain itu jumlah perbelanjaan barangan bukan keperluan asas juga turut mengalami peningkatan walaupun sentiasa lebih rendah daripada perbelanjaan barangan keperluan. Jumlah perbelanjaan yang meningkat memberi gambaran umum berkaitan isu kenaikan kos sara hidup yang sedang dihadapi oleh isi rumah pada ketika ini dengan bebanan besar pada barangan makanan, perumahan dan pengangkutan menjadikan peningkatan kos sara hidup sesuatu masalah yang tidak mampu dielakkan kerana berlaku pada barangan keperluan. Dapat juga dianggarkan di sini perbelanjaan perumahan adalah perbelanjaan yang menjadi tumpuan bebanan. Berdasarkan nilai perbelanjaan keperluan asas seperti makanan, perumahan dan pengangkutan yang terus meningkat saban tahun dan tekanan dari kenaikan harga yang berterusan, timbulnya persoalan bagaimana situasi ini memberi kesan kepada perbelanjaan yang lain seperti pendidikan, kesihatan dan antara perbelanjaan keperluan asas itu sendiri. Timbulnya persoalan akan wujudnya kesan himpitan keluar (*crowding out effect*) perbelanjaan perumahan kepada makanan dan pengangkutan. Ini berikutan dalam

keadaan tekanan peningkatan perbelanjaan perumahan atau pengangkutan, individu akan mencapai keseimbangan dengan mengurangkan satu perbelanjaan demi meningkatkan perbelanjaan yang satu lagi (Makarewicz et al., 2020). Kesan himpitan keluar bukanlah satu fenomena yang boleh diabaikan kerana ia akan menjejaskan kebajikan isi rumah, memberi kesan kepada kesejahteraan jangka pendek dan jangka panjang (Jumrani & Birthal, 2017; Makarewicz et al., 2020; Nguyen & Nguyen, 2020).

Jadual 1.4 Jumlah perbelanjaan keperluan asas dan perbelanjaan bukan keperluan asas isi rumah Malaysia bagi tahun terpilih dari 2009 hingga 2019

Kumpulan perbelanjaan	Tahun			
	2009	2014	2016	2019
Perbelanjaan keperluan asas	Jumlah perbelanjaan (%)			
Makanan	444 (20)	676 (19)	726 (18)	783 (17)
Perumahan	495 (23)	853 (24)	969 (24)	1068 (24)
Pengangkutan	327 (15)	523 (15)	553 (14)	611 (13)
Jumlah perbelanjaan keperluan asas	1266 (58)	2052 (57)	2248 (56)	2462 (54)
Jumlah perbelanjaan bukan keperluan asas	924 (42)	1526 (43)	1785 (44)	2073 (46)
Jumlah	2190	3578	4033	4535

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2009-2019)

1.2.4 Pendapatan isi rumah

Teori Keynesian menyatakan pendapatan merupakan faktor kepada penggunaan. Teori ini disokong oleh Helander (2014); Kondoh (1996); Sim & Shuang (2004) yang mendapati pendapatan isi rumah adalah faktor utama yang memberi kesan dan pengaruh kepada perbelanjaan. Pertumbuhan pendapatan dan taraf hidup isi rumah akan merangsang peningkatan kos sara hidup (Wahab et al., 2018a). Hal ini demikian berikutan peningkatan pendapatan akan meningkatkan permintaan dan seterusnya berlaku kenaikan harga kesan dari pertambahan permintaan di pasaran

(Navamuel et al., 2019; Combes & Gobillon, 2015). Maklumat pada jadual 1.5 memaparkan jumlah pendapatan purata isi rumah Malaysia di kawasan bandar dan luar bandar. Berlaku peningkatan jumlah pendapatan isi rumah dari tahun ke tahun dengan jumlah pendapatan isi rumah di bandar melebihi jumlah pendapatan isi rumah di luar bandar walaupun didapati peratus pertumbuhan pendapatan di kawasan luar bandar lebih tinggi dari tahun 2012 ke 2014, 2014 ke 2016 dan dari tahun 2016 ke 2019 masing-masing sebanyak 24%, 14% dan 15% di luar bandar berbanding bandar masing-masing sebanyak 19%, 12% dan 13%. Dari sini gambaran berlakunya kenaikan kos sara hidup akibat rangsangan pendapatan dan wujudnya jurang antara isi rumah di bandar dan luar bandar dapat diperhatikan.

Jadual 1.5 Pendapatan purata isi rumah Malaysia, bandar dan luar bandar pada tahun-tahun tertentu

Tahun	Jumlah pendapatan purata dan peratus pertumbuhan					
	Malaysia		Bandar		Luar Bandar	
	RM	%	RM	%	RM	%
2009	4,025	-	4,705	-	2,545	-
2012	5,000	24	5,742	22	3,080	21
2014	6,141	23	6,833	19	3,831	24
2016	6,958	13	7,671	12	4,359	14
2019	7,901	14	8,635	13	5,004	15

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2009-2020

Jadual 1.6 pula memaparkan jumlah pendapatan isi rumah mengikut negeri di Malaysia. Tujuan analisis berdasarkan negeri adalah untuk mengenal pasti sekiranya wujud perbezaan tingkat pendapatan antara negeri-negeri di Malaysia. Didapati jumlah pendapatan tertinggi direkodkan di W.P Kuala Lumpur diikuti Selangor dan Johor. Wujud jurang pendapatan antara negeri terutamanya jika dilihat di antara negeri perbandaran tinggi dan negeri perbandaran rendah. Negeri Kelantan merekodkan jumlah pendapatan purata terendah dengan jurang sebanyak RM7, 478 berbanding

pendapatan isi rumah di W.P Kuala Lumpur. Negeri Sabah, Sarawak dan Pahang masing-masing merekodkan jumlah purata pendapatan yang lebih tinggi berbanding Kedah dan Perlis walaupun berada pada taraf perbandaran berbeza. Dapat diperhatikan di sini perbezaan jumlah pendapatan merentasi negeri dan taraf perbandaran negeri dilihat memberi kesan kepada kemampuan isi rumah menyerap kenaikan kos sara hidup berdasarkan tingkat pendapatan.

Jadual 1.6 Pendapatan isi rumah mengikut negeri tahun 2016

Negeri	Pendapatan
Perbandaran tinggi	
Johor	6928
Melaka	6849
Pulau Pinang	6771
Selangor	9463
W.P Kuala Lumpur	11692
Perbandaran sederhana	
Kedah	4971
Negeri Sembilan	5887
Perak	5065
Perlis	4998
Terengganu	5776
Perbandaran rendah	
Kelantan	4214
Pahang	5012
Sabah	5354
Sarawak	5387

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2016)

Pendapatan isi rumah dapat dikelaskan kepada kumpulan pendapatan rendah, sederhana dan tinggi yang dikategorikan sebagai isi rumah B40, M40 dan T20. Jadual 1.7 memaparkan secara bandingan tingkat pendapatan isi rumah secara keseluruhan dan di kawasan bandar dan luar bandar bagi isi rumah B40, M40 dan T20 pada tahun-tahun tertentu. Wujud perbezaan tingkat pendapatan di kawasan bandar dan luar bandar di Malaysia dengan purata pendapatan isi rumah bandar yang lebih tinggi

berbanding luar bandar. Secara purata pendapatan isi rumah bandar lebih tinggi sebanyak 85%, 87%, 86%, 78% dan 72% berbanding luar bandar masing-masing pada tahun 2009, 2012, 2014, 2016 dan 2019. Jurang yang amat besar dapat diperhatikan di sini selain nilai purata pendapatan isi rumah luar bandar tidak pernah melebihi bandar dan tidak dapat mencapai purata isi rumah Malaysia bagi tahun 2009, 2012, 2014, 2016 dan 2019. Jurang pendapatan yang sangat ketara juga dapat dilihat antara kumpulan pendapatan. Pada tahun 2019, isi rumah T20 secara purata memiliki jumlah pendapatan yang lebih tinggi berbanding M40 sebanyak 152% dan berbanding B40 sebanyak 487%. Jurang yang terlalu besar ini jelas memperlihatkan kemampuan berbelanja isi rumah B40 yang amat rendah dan menimbulkan persoalan mampukan mereka mengharungi kenaikan kos sara hidup? Pertumbuhan pendapatan akan menyebabkan peningkatan taraf hidup dan merangsang kos sara hidup (Philips, 2012). Ini memberikan indikasi isu kos sara hidup yang meningkat akibat rangsangan pendapatan sedang berlaku. Selain itu jurang pendapatan antara isi rumah dari sudut perbezaan strata perbandaran menjadikan perbezaan ini perlu diberikan perhatian. Isi rumah di kawasan bandar dan luar bandar sama-sama mengalami kenaikan kos sara hidup dan dikhuatiri jurang pendapatan yang dihadapi akan memberikan bebanan berbeza kepada isi rumah.

Jadual 1.7 Pendapatan purata isi rumah mengikut kumpulan pendapatan dan strata pada tahun tertentu

Strata dan kumpulan pendapatan	Tahun				
	2009	2012	2014	2016	2019
Jumlah pendapatan (RM)					
Malaysia	4,025	5,000	6,141	6,958	7,901
B40	1,529	1,847	2,537	2,848	3,152
M40	3,770	4,573	5,662	6,502	7,348
T20	10,208	12,159	14,305	16,808	18,506
Bandar	4,705	5,742	6,833	7,671	8,635
B40	1,806	2,235	2,927	3,262	3,544
M40	4,301	5,294	6,310	7,208	7,553
T20	11,312	13,654	15,690	17,416	17,664
Luar Bandar	2,545	3,080	3,831	4,359	5,004
B40	1,036	1,319	1,760	1,969	2,286
M40	2,312	2,930	3,729	4,194	4,700
T20	6,028	6,905	8,180	9,471	11,502

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2017)

Wujud ketidakseragaman pada bukti yang menyokong hanya isi rumah bandar yang mengalami peningkatan kos sara hidup berdasarkan data pendapatan yang dikemukakan. Seandainya hanya faktor harga dijadikan kayu ukur berlakunya peningkatan kos sara hidup dan kawasan bandar lebih terjejas, latar belakang pendapatan isi rumah memberikan gambaran isi rumah luar bandar mengalami pertumbuhan pendapatan lebih tinggi yang menimbulkan persoalan kenaikan kos sara hidup disebabkan peningkatan taraf hidup telah berlaku di kawasan luar bandar seperti yang dikemukakan dalam Jadual 1.5. Bagi Jadual 1.6 dan 1.7 pula, gambaran jurang pendapatan antara negeri dan kumpulan pendapatan berdasarkan perbezaan taraf perbandaran dan antara kumpulan pendapatan yang diperhatikan menimbulkan persoalan kemampuan isi rumah mengharungi peningkatan kos sara hidup akibat jurang pendapatan dan taraf perbandaran. Dua elemen utama yang melatari kos sara hidup isi rumah Malaysia yang dapat diperhatikan di sini adalah taraf perbandaran dan jurang pendapatan.

1.2.5 Taraf dan strata perbandaran tempat tinggal

Jumlah penduduk di suatu kawasan memainkan peranan kepada permintaan dan penawaran dalam pasaran yang memberi kesan kepada harga dan seterusnya kos sara hidup isi rumah (Campbell & James, 2020; Kurre, 2003). CDC (2017) menjelaskan perbandaran merupakan keseluruhan kawasan meliputi populasi, kawasan perumahan yang berada dalam lingkungan yang ditetapkan dengan kepadatan penduduk dalam 2500 kediaman manakala kawasan luar bandar merupakan sebuah kawasan dengan kepadatan kurang daripada 2500 kediaman. Kepentingan penetapan kawasan dan pengelasan status taraf perbandaran akan membawa kepada keputusan penubuhan pentadbiran tempatan (Statistics Poland, 2022). Kawasan ini berbeza daripada kawasan pembangunan industri, bahagian pengangkutan, taman, perkuburan dan lain-lain kawasan (CDC, 2017; Pizzoli, 2007). Dari segi kepadatan penduduk, sesuatu kawasan diiktiraf sebagai bandar dalam keadaan memiliki jumlah penduduk sekurang-kurangnya dengan kepadatan 1,000 orang per kilometer persegi (CDC, 2017). Namun begitu, kepadatan penduduk semata-mata tidak menggambarkan definisi perbandaran. Selain kepadatan penduduk, rebakkan bandar, aktiviti pertanian berbanding industri, pengkhususan ekonomi, guna tenaga dan tahap kemahiran, liputan penggunaan tanah dan penggunaan tanah untuk tujuan aktiviti sosial juga diambil kira dalam menentukan taraf perbandaran (Pizzoli, 2007; Statistics Poland, 2022). Faktor kepadatan penduduk amat penting dalam menerangkan kewujudan permintaan yang akan memberikan kesan kepada kenaikan harga dan seterusnya kos sara hidup akibat permintaan. Kepadatan penduduk yang lebih tinggi di kawasan bandar menyebabkan barangan di bandar-bandar besar menjadi mahal (Navamuel et al., 2019). Kajian Kosfeld et al. (2008); Blien et al. (2009) mendapati wujud perbezaan kos sara hidup yang ketara disebabkan perbezaan kepadatan penduduk di kawasan bandar berbanding luar bandar

yang turut berlaku di Jerman. Kepadatan penduduk merupakan penentu taraf perbandaran sebuah wilayah mahupun kawasan.

Negeri-negeri di Malaysia dikategorikan dalam taraf perbandaran berbeza yang terdiri daripada perbandaran tinggi, perbandaran sederhana dan perbandaran rendah dengan nilai kos sara hidup yang lebih tinggi pada negeri-negeri yang dikategorikan sebagai perbandaran tinggi. BNM (2015) mengkategorikan negeri Selangor, Pulau Pinang, Melaka dan Johor sebagai negeri perbandaran tinggi, Perak, Negeri Sembilan, Kedah, Perlis, dan Terengganu sebagai negeri perbandaran sederhana manakala negeri Kelantan, Pahang, Sabah dan Sarawak pula merupakan negeri perbandaran rendah.

Jadual 1.8 memaparkan nilai IHP barangan keperluan asas dan bukan keperluan asas bagi negeri-negeri di Malaysia. Data IHP merekodkan nilai IHP barangan bukan keperluan asas yang lebih tinggi berbanding IHP barangan keperluan asas bagi setiap negeri. Selain itu, dapat diperhatikan IHP negeri Kelantan dan Sabah yang merekodkan nilai lebih tinggi pada barangan bukan keperluan asas melebihi negeri perbandaran sederhana dan tinggi seperti negeri Melaka, Pulau Pinang, Selangor dan W.P Kuala Lumpur. IHP barangan bukan keperluan asas negeri Kelantan dan Sabah dengan nilai 118 dan 119 berbanding negeri Melaka, Pulau Pinang dan Selangor masing-masing dengan nilai 117. Keadaan ini menimbulkan kebimbangan kerana negeri Kelantan dan Sabah memiliki purata pendapatan isi rumah yang rendah tetapi berhadapan dengan harga barangan yang mahal. Keadaan menimbulkan persoalan berkaitan perbezaan kos sara hidup yang dihadapi kesan daripada perbezaan taraf perbandaran antara negeri dan data IHP yang memberikan gambaran kos sara hidup lebih tinggi bagi barangan bukan keperluan asas sedangkan jumlah perbelanjaan dan corak perbelanjaan keperluan asas yang lebih besar direkodkan pada data

perbelanjaan. Bahagian seterusnya akan menjelaskan permasalahan yang berlaku dengan lebih terperinci yang cuba dirungkaikan dalam kajian ini.

Jadual 1.8 Indeks Harga Pengguna negeri di Malaysia tahun 2016

Negeri dan taraf perbandaran	Keperluan asas	Bukan keperluan asas
Perbandaran tinggi		
Johor	116	120
Melaka	114	117
Pulau Pinang	115	117
Selangor	115	117
W.P Kuala Lumpur	114	116
Perbandaran sederhana		
Kedah	113	116
Negeri Sembilan	113	116
Perak	110	115
Perlis	113	116
Terengganu	111	117
Perbandaran rendah		
Kelantan	112	118
Pahang	113	116
Sabah	108	119
Sarawak	111	113

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2016)

1.3 Pernyataan Masalah

Kenaikan harga barangan dan perkhidmatan merupakan bebanan kepada kos sara hidup isi rumah yang perlu ditanggung dalam meneruskan kehidupan sehari-hari kerana kenaikan harga memberi kesan kepada jumlah perbelanjaan. Kenaikan harga barangan dan perkhidmatan terutamanya pada perbelanjaan keperluan asas seperti makanan, perumahan dan pengangkutan dilihat menjadikan masalah kos sara hidup sesuatu yang tidak dapat dielakkan dan membebani segenap lapisan masyarakat.

Dalam keadaan barangan dan perkhidmatan mengalami kenaikan harga berterusan, tidak dapat dinafikan masyarakat turut menikmati peningkatan pendapatan dari tahun ke tahun. Namun begitu kewujudan jurang pendapatan antara negeri

menimbulkan persoalan ketidakseimbangan bebanan kos sara hidup yang ditanggung dalam menghadapi kenaikan harga kerana pendapatan yang tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan. Seperti yang dijelaskan pada bahagian 1.2.5 tentang wujud perbezaan taraf perbandaran antara negeri-negeri di Malaysia di mana terdapatnya negeri perbandaran tinggi, perbandaran sederhana dan perbandaran rendah. Tingkat harga barangan di negeri-negeri ini juga turut menunjukkan perbezaan dan tidak kurang tingginya. Dalam menganggarkan kos sara hidup menggunakan IHP, isi rumah dianggap menggunakan barangan yang sama mengikut kaedah bakul barangan dan memiliki corak perbelanjaan yang sama. Namun adakah benar semua isi rumah memiliki corak perbelanjaan yang sama? Kesan daripada perbezaan corak perbelanjaan dan kemampuan dari sudut pendapatan memberikan persoalan kos sara hidup sebenar yang ditanggung antara isi rumah. Benarkah isi rumah yang menetap di negeri perbandaran tinggi sentiasa lebih terjejas dengan kos sara hidup yang semakin meningkat berbanding isi rumah yang menetap di negeri perbandaran sederhana dan rendah sedangkan harga barangan di negeri-negeri seperti Sabah dan Sarawak juga agak mahal kerana kos pengangkutan? Bagaimana pula dengan isi rumah di negeri Kelantan, Kedah dan Perlis yang memiliki purata pendapatan terendah? Harga barangan di negeri tersebut turut meningkat sedangkan pendapatan isi rumah di negeri tersebut tidak sebanyak negeri-negeri seperti Selangor, Johor, Pulau Pinang dan Melaka. Persoalan perbezaan kos sara hidup yang ditanggung oleh isi rumah mengikut taraf perbandaran negeri selain jurang pendapatan yang ketara antara negeri menimbulkan kebimbangan kemampuan isi rumah di negeri Kelantan, Pahang, Sabah, Sarawak, Kedah dan Perlis menyerap kenaikan kos sara hidup yang semakin meningkat kerana pendapatan yang jelas lebih rendah. Jurang pendapatan secara keseluruhan antara kawasan bandar dan luar bandar juga membuktikan isi rumah di

kawasan luar bandar sentiasa terkebelakang dari sudut pendapatan. Jurang pendapatan isi rumah B40 berbanding M40 dan T20 di kawasan bandar dan luar bandar merupakan situasi yang tidak dapat dinafikan dalam mendepani masalah kos sara hidup.

Situasi semasa menunjukkan IHP berbeza mengikut taraf perbandaran di mana harga barangan di kawasan bandar secara puratanya lebih tinggi berbanding luar bandar. Namun begitu, nilai IHP yang digunakan adalah nilai purata sedangkan perbelanjaan terdiri daripada pelbagai barangan dan perkhidmatan. Di Malaysia, negeri-negeri seperti Sabah dan Sarawak berhadapan dengan kos pengangkutan yang memberikan kesan peningkatan harga barangan. Justeru kajian ini akan meneliti dengan melakukan pengkhususan analisis kos sara hidup yang dihadapi di setiap negeri di Malaysia bagi 12 kumpulan perbelanjaan isi rumah. Kajian cuba untuk memberi perhatian kepada semua negeri dan semua kumpulan perbelanjaan bagi mengenal pasti kumpulan perbelanjaan yang manakah yang memberikan tekanan kepada kos sara hidup isi rumah di samping menganalisis perbezaan taraf perbandaran negeri dan kos sara hidup yang ditanggung.

Teori Keluk Engel menyatakan peratus perbelanjaan barangan makanan isi rumah pendapatan rendah lebih besar berbanding isi rumah pendapatan tinggi. Perbelanjaan isi rumah pendapatan rendah didominasi barangan keperluan asas berbanding isi rumah pendapatan tinggi yang memiliki corak perbelanjaan keperluan asas lebih kecil atau kesamarataan corak perbelanjaan bagi semua kumpulan perbelanjaan. Keadaan ini menimbulkan persoalan adakah isi rumah pendapatan rendah menanggung bebanan kos sara hidup yang lebih besar berbanding isi rumah pendapatan sederhana dan tinggi. Keadaan bertambah meruncing kerana bukan sahaja makanan yang mengalami kenaikan harga tetapi juga perbelanjaan perumahan dan pengangkutan serta barangan bukan keperluan. Jurang pendapatan antara isi rumah

dan kesan perbezaan strata perbandaran tempat tinggal menimbulkan pertanyaan pengaruh peningkatan taraf hidup yang memberikan bebanan kepada isi rumah berbeza tingkat pendapatan. Selain isu kumpulan pendapatan B40, M40 dan T20 yang perlu diberikan perhatian, pengaruh taraf hidup yang melatari corak perbelanjaan juga menimbulkan persoalan kepada bebanan kos sara hidup yang ditanggung.

Perbelanjaan isi rumah bukan sahaja dipengaruhi tingkat harga barangan tetapi juga wujud faktor-faktor lain yang memberi kesan dan pengaruh kepada perbelanjaan. Di sini timbul pula persoalan akan faktor-faktor lain yang merangsang kos sara hidup isi rumah seperti saiz isi rumah, umur, jantina, status perkahwinan dan tahap pendidikan. Seperti yang kita ketahui, sebarang dasar dan saluran bantuan kos sara hidup memberikan keutamaan kepada ciri-ciri sosioekonomi dan demografi keluarga mahupun individu seperti warga emas, individu bujang, mereka yang berpendapatan rendah dan kawasan luar bandar. Justeru ciri-ciri sosioekonomi dan demografi turut menjadi perhatian dalam kajian ini melalui analisis kesan faktor-faktor ini kepada corak perbelanjaan isi rumah.

Situasi peningkatan kos sara hidup isi rumah juga dikhuatiri menjejaskan corak perbelanjaan isi rumah. Berdasarkan huraian data perbelanjaan di bahagian 1.2.3 dalam latar belakang kajian, didapati perbelanjaan makanan, perumahan dan pengangkutan telah mendominasi perbelanjaan isi rumah. Barangan ini juga mengalami pertumbuhan jumlah dan corak perbelanjaan lebih tinggi. Keadaan ini menimbulkan kebimbangan sekiranya kenaikan kos sara hidup berlaku, corak perbelanjaan isi rumah pada barangan keperluan dan bukan keperluan akan turut terjejas. Perlu ditekankan di sini bahawa perbelanjaan pendidikan dan kesihatan yang masing-masing memainkan peranan kepada kesejahteraan isi rumah selain keperluan asas. Dalam keadaan isi rumah perlu mengekalkan perbelanjaan keperluan asas sedia

ada, kenaikan harga berkemungkinan menyebabkan kesan himpitan keluar (*crowding out effect*) kepada barangan yang lain. Kajian ini ingin menganalisis sekiranya kenaikan kos sara hidup yang berpunca daripada perbelanjaan makanan, perumahan dan pengangkutan menyebabkan perbelanjaan isi rumah pada barangan lain mengalami pengurangan.

Kesemua isu yang diutarakan berkaitan kos sara hidup, jurang pendapatan antara negeri, kenaikan harga barangan, corak perbelanjaan isi rumah yang tertumpu kepada barangan makanan, perumahan dan pengangkutan yang mengalami peningkatan harga dirangkumkan menjadi empat persoalan kajian yang cuba dijawab. Bahagian seterusnya mengemukakan persoalan kajian yang akan dijawab dalam kajian ini.

1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan latar belakang kajian dan pernyataan masalah yang telah dinyatakan, kajian ini cuba menjawab persoalan kajian yang berikut:

1. Sejauh mana perbezaan taraf perbandaran antara negeri mempengaruhi kos sara hidup?
2. Bagaimanakah perbezaan strata perbandaran dan tingkat pendapatan mempengaruhi keanjalan pendapatan barangan makanan, perumahan dan pengangkutan?
3. Bagaimanakah ciri-ciri sosioekonomi dan demografi memainkan peranan dalam mempengaruhi corak perbelanjaan isi rumah?
4. Bagaimanakah peningkatan kos sara hidup memberi kesan himpitan keluar kepada perbelanjaan isi rumah?

1.5 Objektif Kajian

Objektif umum kajian ini adalah menganalisis corak perbelanjaan dan kos sara hidup yang dihadapi oleh isi rumah di Malaysia.

1. Menganalisis kos sara hidup isi rumah di Malaysia berdasarkan taraf perbandaran negeri.
2. Menganalisis keanjalan pendapatan makanan, perumahan dan pengangkutan berdasarkan perbezaan tingkat pendapatan dan perbezaan strata perbandaran.
3. Menganalisis hubungan ciri-ciri sosioekonomi dan demografi dengan corak perbelanjaan isi rumah.
4. Menganalisis kesan himpitan keluar kos sara hidup kepada perbelanjaan isi rumah.

Jadual 1.9 memaparkan persoalan kajian dan objektif kajian tesis ini. Objektif kajian ditentukan berdasarkan persoalan yang ditimbulkan dan cuba diselesaikan dalam kajian ini.

Jadual 1.9 Ringkasan persoalan kajian dan objektif kajian

Bil.	Persoalan kajian	Objektif kajian
1.	Sejauh mana perbezaan taraf perbandaran antara negeri mempengaruhi kos sara hidup?	Menganalisis kos sara hidup isi rumah di Malaysia berdasarkan taraf perbandaran negeri.
2.	Bagaimanakah perbezaan strata perbandaran dan tingkat pendapatan mempengaruhi keanjalan pendapatan barangan makanan, perumahan dan pengangkutan?	Menganalisis keanjalan pendapatan makanan, perumahan dan pengangkutan berdasarkan perbezaan tingkat pendapatan dan perbezaan strata perbandaran.
3.	Bagaimanakah ciri-ciri sosioekonomi dan demografi memainkan peranan dalam mempengaruhi perbelanjaan isi rumah?	Menganalisis hubungan ciri-ciri sosioekonomi dan demografi dengan corak perbelanjaan isi rumah.
4.	Bagaimanakah peningkatan kos sara hidup memberi kesan himpitan keluar kepada perbelanjaan isi rumah?	Menganalisis kesan himpitan keluar kos sara hidup kepada perbelanjaan isi rumah.

1.6 Signifikan Kajian

Berdasarkan permasalahan kajian yang telah dikemukakan, bahagian ini menerangkan hujah signifikan kajian ini kepada perkembangan penyelidikan berkaitan kos sara hidup, corak perbelanjaan dan hubungan antara keduanya. Selain itu bahagian ini menjelaskan sumbangan kajian untuk tujuan dikembangkan pada penyelidikan akan datang dan cadangan dasar berkaitan kos sara hidup yang cuba disumbangkan.

Objektif pertama kajian ini penting untuk dicapai bagi menentukan adakah hanya negeri perbandaran tinggi yang berhadapan dengan tekanan kos sara hidup. Penelitian dari sudut jenis perbelanjaan membawa kepada saranan penyelesaian penurunan kos sara hidup berdasarkan kumpulan perbelanjaan yang memberikan tekanan kepada isi rumah. Selain itu, analisis negeri bertujuan mengetengahkan isu